

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 9 JUN 2014

RUJUKAN : 6879

SOALAN:

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan kerap kali berlaku tuduhan atau berita yang tidak benar dan tidak berasas sama ada melalui media cetak, eletronik atau Internet, apakah ada cadangan oleh Kerajaan bagi mengekang perkara ini daripada berterusan berlaku dengan mewujudkan akta di mana hukuman lebih berat, umpamanya seperti penjara atau denda yang lebih tinggi dikenakan terhadap pelaku tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab memantau bahan-bahan bercetak, terutamanya yang dikeluarkan permit penerbitan supaya tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan didapati menyiarkan artikel atau rencana mengandungi isu-isu sensitiviti perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan seperti berikut:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;**
- b) Memberi surat tunjuk sebab; atau**
- c) Menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.**

Sebagai alternatif, Kementerian boleh mengambil tindakan mengikut seksyen 8(1)(A) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu, mana-mana penerbitan (media cetak) yang menyiarkan berita yang tidak benar dan tidak berasas adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, Kementerian menganggap perundangan dan Akta sedia ada masih relevan dan memadai bagi mengekang dan menangani perkara ini.

[Bagi bahan-bahan penerbitan yang disiarkan dalam media siber, khususnya media elektronik atau media alternatif seperti *Youtube*, penguatkuasaan perundangan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM)]